

12 APR 2001

PNB-MAHATHIR (Bergambar)

DR MAHATHIR AKAN LANCAR TABUNG AMANAH SAHAM BARU PNB

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan satu lagi amanah saham baru anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) 20 April ini.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata pelancaran itu adalah bersempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001, di Dewan Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB) di sini.

Butir-butir lanjut mengenai tabung saham amanah baru itu akan diumumkan oleh Dr Mahathir, katanya kepada pemberita selepas melepaskan Skuad Teksi (Beca) untuk publisiti MSAM 2001 di sini hari ini.

Kumpulan PNB adalah pengurus kepada Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Harta Tanah PNB (AHP), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM).

Hamad berkata PNB membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat besar yang mempunyai keupayaan menghadapi sebarang risiko. Ia mempunyai pakar-pakar pengurusan dana yang cekap.

Para pelabur di dalam saham-saham amanah di bawah Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) tidak perlu bimbang dengan pelaburan masing-masing walaupun kelembapan ekonomi sedang melanda Amerika Syarikat.

Menurutnya PNB telah mengambil langkah-langkah awal sejak ditubuhkan pada 1981 iaitu dengan sentiasa berhati-hati dalam membuat pelaburan agar tidak mengalami kerugian.

Hamad berkata berdasarkan kepada rekod yang ada, sesetengah syarikat masih mampu membuat keuntungan walaupun negara dilanda kegawatan ekonomi, yang secara tidak langsung membantu mengimbangi keadaan.

Beliau berkata sejak ditubuhkan sehingga sekarang, PNB telah berjaya mengembleng modal berjumlah kira-kira RM36 bilion daripada lebih tujuh juta pemegang unit yang sebahagian besarnya merupakan golongan bumiputera.

Di dalam tempoh tersebut sebanyak RM33 bilion dalam bentuk dividen dikeluarkan kepada pelabur, katanya.

Mengenai MSAM 2001 yang akan berlangsung selama lima hari bermula 20 April ini katanya, ia berteraskan kepada matlamat untuk mendidik agar masyarakat lebih memahami mengenai pelaburan serta hubungkait antara risiko dan pulangan daripada pelaburan.

MSAM 2001 yang dijangka menarik 200,000 pengunjung adalah anjuran bersama PNB dan Persekutuan Pengurus-Pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM) adalah yang kedua selepas MSAM 2000 yang diadakan pada 20 April tahun lepas di Kuala Lumpur.

MSAM 2001 yang bertemakan "Saham Amanah-Pilihan Pelabur Bijak" diadakan khusus untuk memberi peluang kepada masyarakat luar dari Lembah Klang untuk sama-sama mengecapi usaha PNB dalam memberi pendidikan pelaburan secara bersepadu dan berterusan.

Antara aktivitinya ialah pameran, forum pelaburan, seminar pelaburan antarabangsa, pertandingan debat, pertandingan pelaburan, kuiz pelaburan, pertandingan menulis esei dan penerbitan buku-buku berkaitan dengan industri saham amanah.

Hamad berkata sebanyak 70 buah syarikat pelbagai sektor akan mengambil bahagian pada pameran tersebut yang akan memberi peluang kepada orang ramai mengenali secara lebih dekat syarikat-syarikat yang melibatkan pelaburan PNB.

Majlis penutup MSAM 2001 akan disempurnakan oleh Timbalan Perdana

Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan MPKB pada 24 April.  
--BERNAMA  
BD OS